

# **MANUAL PENERBITAN BERSAMA MASTERA**

## **PROGRAM PENERBITAN BERSAMA MASTERA**

Program Penerbitan Bersama Mastera adalah salah satu program kerjasama pengembangan sastra serantau yang diusahakan oleh negara-negara anggota Mastera, iaitu Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Tujuannya adalah untuk mengusahakan penerbitan pelbagai jenis karya sastra tradisional dan moden, yang dirancang bersama, dan disertai oleh negara-negara anggota. Melalui program ini, karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang terkemuka daripada negara-negara anggota dapat disebarluaskan kepada khalayak sastra serantau dan antarabangsa sama ada dalam bentuk bercetak atau digital.

## **JENIS-JENIS PENERBITAN MASTERA**

- Lembaran Mastera
- Jurnal Pangsur
- Buku Kajian Mastera
- Buku Kreatif Mastera

## **STRUKTUR ORGANISASI DAN FUNGSI PENERBITAN MASTERA**

### Peringkat Rantau

#### Jawatankuasa Sidang Majlis Mastera

- Ketua –ketua
- Wakil-wakil ketua
- Setiausaha (semua JK Mastera Negara)

### Jawatankuasa Kecil Sidang

- Wakil-wakil ketua
- Setiausaha
- Dua ahli daripada Mastera negara pendiri atau negara ahli
- Pakar-pakar bidang
- Editor

### Peringkat Negara

#### Jawatankuasa Mastera Negara

- Pengerusi
- Timbalan Pengerusi
- Setiausaha
- Ahli-ahli JK yang mewakili:
  - Bidang Sastera Tradisional
  - Bidang Sastera Moden
  - Bidang Sastera Bandingan
  - Penulis Kreatif
  - Persatuan Penulis Peringkat Nasional
  - Bidang Penerbitan
  - Ketua-ketua Penyelaras Projek

### Jawatankuasa Kecil Penerbitan

- Pengerusi (Timbalan Pengerusi JK Mastera Negara)
- Setiausaha (Setiausaha JK Mastera Negara)
- Ahli-ahli Jawatankuasa:
  - Ketua-ketua Penyelaras Projek
  - Pakar Bidang (AJK Mastera Negara)
  - Editor
  - Pereka bentuk
  - Pegawai Pengeluaran
  - Pegawai Pemasaran
  - Pegawai Hak Cipta

## **PROSES PENERBITAN BERSAMA MASTERA**

### **1. Mesyuarat Perancangan Projek**

- Perancangan Projek Penerbitan bersama Mastera lima tahun dibuat di peringkat Mastera Negara melalui Mesyuarat JK Mastera Negara. Kertas cadangan projek penerbitan bersama Mastera yang disediakan oleh masing-masing Negara Anggota dibawa ke Sidang Mastera. Ia akan dibincangkan dan diteliti dalam Mesyuarat JK Kecil Sidang peringkat Rantau.
- Tema, kandungan, penulis/pengumpul/pengkaji, jadual penerbitan, bentuk penerbitan, pendanaan, dan pemasaran yang berkaitan dengan satu-satu projek penerbitan akan dibincangkan dan dimuktamadkan bersama. Negara Penyelaras Projek dan Ketua Penyelaras Projek di peringkat Rantau atau Negara turut dicadangkan.
- Perancangan projek penerbitan bersama Mastera lima tahun yang telah dipersetujui bersama seterusnya dikemukakan ke Mesyuarat JK Sidang Majlis untuk kelulusan.
- Mesyuarat JK Sidang Majlis akan meneliti cadangan perancangan penerbitan bersama Mastera lima tahun sebelum diluluskan. JK Sidang Majlis akan melantik secara rasmi Negara Penyelaras Projek dan Ketua Penyelaras Projek.

### **2. Penyediaan Draf Manuskrip**

- Ketua Penyelaras Projek di setiap negara anggota Mastera bertanggungjawab membina manuskrip (sama ada melalui kajian, pengumpulan bahan atau penterjemahan/adaptasi, dan bahan lain seperti ilustrasi).
- Melantik penulis, pengkaji, penterjemah, dan pelukis yang berwibawa untuk menyediakan manuskrip/ilustrasi.
- Mendapatkan keizinan daripada pihak luar jika menggunakan foto/gambar/rajah/petikan dan sebagainya.
- Memantau kemajuan projek.

### **3. Mesyuarat Editorial**

- Manuskrip yang telah dibina oleh Ketua Penyelaras Projek masing-masing Negara Anggota, diserahkan kepada JKK Penerbitan Peringkat Negara untuk kerja-kerja editorial, iaitu penilaian dan penyuntingan substantif.
- Laporan penilaian dan komen tentang manuskrip disediakan untuk makluman Ketua Penyelaras Projek.

### **4. Penyediaan Manuskrip Lengkap**

- Ketua Penyelaras Projek akan meminta penulis/penyusun/pengkaji/penterjemah membuat pembaikan berdasarkan komen Kumpulan Editorial.
- Manuskrip yang telah siap dibawa ke Mesyuarat JK Kecil Sidang Peringkat Rantau untuk diselaraskan dengan projek lain yang diusahakan oleh Negara Penyelaras Projek lain, atau menyerahkan kepada Negara Penyelaras Projek (Induk) yang bertanggungjawab meneruskan pengumpulan semua bahan daripada setiap negara anggota, dan menguruskan penerbitannya. (misalnya: Projek Kajian Perbandingan)

5. Penyuntingan Akhir, Penerbitan dan Pengeedaran

- Manuskrip lengkap diserahkan kepada JKK Penerbitan Peringkat Negara untuk proses penyuntingan, pengeluaran, dan percetakan.
- Bagi Negara Anggota yang berminat untuk menerbitkan karya berkenaan dalam edisi bahasanya, manuskrip yang telah disunting bersih akan dihantar kepada JKK Penerbitan Negara berkenaan untuk diadaptasi.
- Bagi Negara Anggota yang tidak memerlukan karya diterbitkan dalam edisi bahasanya, filem akan dihantar kepada negara berkenaan untuk percetakan, promosi pasaran dan pengedaran, atau diterbitkan oleh Negara Penyelaras Projek dan diedarkan ke negara berkenaan apabila terbit.
- Sekiranya Negara Penyelaras Projek menerbitkan karya berkenaan untuk edaran percuma, penerbit swasta dalam negara tersebut boleh memohon daripada Mastera Negara berkenaan untuk menerbitkan karya itu bagi tujuan komersial.

6. Penerbitan Edisi Bahasa Asing (selain Bahasa Melayu/Indonesia)

- Sekiranya ada penerbit dari luar negara (selain negara anggota Mastera) berminat untuk menterjemahkan buku penerbitan bersama Mastera, penerbit berkenaan berurusan dengan Negara Penyelaras Projek yang menerbitkan versi utama karya berkenaan.

*Program Penerbitan Bersama Mastera merancang untuk menerbitkan projeknya dalam bentuk digital supaya ia boleh diperoleh/dicapai oleh sesiapa yang berkenaan atau yang berminat dengan penerbitan sastera Mastera, khususnya bagi mengatasi masalah lalu lintas pemasaran dan pengedaran buku di sesetengah negara anggota.*

## PERJANJIAN PENERBITAN

1. Kerjasama dan terma-terma penerbitan bersama antara negara-negara Mastera dibuat dalam bentuk perjanjian.
2. Edisi terjemahan bagi negara pemegang hak cipta dengan penerbit dari luar negara diuruskan oleh negara masing-masing.
3. Dokumen perjanjian disediakan oleh masing-masing negara berdasarkan praktis negara berkenaan dengan memuatkan perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama.
4. Perjanjian penerbitan bagi penyerahan hak cipta antara penulis dan penerbit (Negara Penyelaras Projek) dikenakan bagi setiap edisi negara atau edisi bahasa yang diterbitkan. Setiap negara anggota akan membuat dua salinan perjanjian untuk simpanan/rujukan pihak-pihak yang berikut, iaitu:
  - i. Satu salinan kepada Negara Penyelaras Projek.
  - ii. Satu salinan Negara anggota yang menerbitkan edisi negara atau edisi bahasa.  
(Perjanjian pelesenan berbeza dengan negara pemilik hak cipta)
5. Tiada penyerahan hak cipta kerana penulis telah diupah/dibayar secara honorarium dan dilantik oleh penerbit untuk menulis di bawah Mastera. Oleh yang demikian, hak cipta adalah milik penerbit. Tindakan ini selaras dengan peruntukan Seksyen 26(2) Akta Hak Cipta 1987, iaitu:

“Walau apa pun Subseksyen 27 (6), jika sesuatu karya —

*(a) telah ditempah oleh seseorang yang bukannya majikan pencipta karya itu di bawah satu kontrak perkhidmatan atau perantisan: atau*

*(b) Yang tidak ditempah sedemikian, dibuat dalam masa bekerjanya pencipta itu.*

*Maka hak cipta itu hendaklah disifatkan sebagai dipindah milik kepada orang yang telah menempah karya itu atau majikan pencipta itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara pihak-pihak yang berkenaan yang menolak atau mengehendkan pindah milik tersebut.”*

## NOTIS HAK CIPTA

1. Hak cipta karya dipegang oleh Mastera Negara berkenaan. Pembayaran kepada penulis dalam bentuk honorarium.  
© Mastera Malaysia, 1999
2. Hak cipta karya bagi negara anggota yang menerbitkan edisi Mastera Negara berkenaan ialah:

© Mastera Malaysia, 1999

© Karya Pelesenan, 2000

3. Hak cipta karya bagi negara anggota yang menerbitkan edisi bahasa Negara berkenaan, ialah:

© Mastera Malaysia, 1999

© Karya Adaptasi Mastera Indonesia, 1999

## **PENGGUNAAN GAMBAR/ILUSTRASI/RAJAH/LOGO/JADUAL DAN SEBAGAINYA.**

Sebarang penggunaan semula bahan di atas perlu mendapat kebenaran daripada pemilik hak cipta jadual/ rajah/peta, petikan tersebut. Sebarang kos akan ditanggung oleh negara penerbit.

## **PERNYATAAN PENGHASILAN KARYA PADA HALAMAN NOTIS HAK CIPTA**

1. Karya Berbentuk Kajian

“Buku/Kumpulan kajian ini diterbitkan di bawah Program Penerbitan Bersama Mastera, yang diusahakan oleh ketiga-tiga negara anggota Mastera (Malaysia Indonesia, dan Brunei Darussalam). Pembinaan bahan dari peringkat penyelidikan/pengumpulan hingga ke peringkat editorial diselenggarakan oleh Mastera (Negara berkenaan). Buku ini merupakan terbitan pertama yang diterbitkan di bawah Program Penerbitan Bersama Mastera.”

2. Karya Kreatif/Kompilasi

“Buku/antologi ini diterbitkan di bawah Program Penerbitan Bersama Mastera, yang diusahakan dan disumbangkan oleh ketiga-tiga negara anggota Mastera (Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam). Pembinaan bahan dari peringkat penulisan/pengumpulan hingga ke peringkat disket (sekiranya masih dipakai) atau filem diselenggarakan oleh Mastera (Negara berkenaan). Buku ini merupakan terbitan pertama yang diterbitkan di bawah Program Penerbitan Bersama Mastera.”

## **HONORARIUM**

1. Honorarium penulis dibayar oleh Negara Penyelaras Projek berasaskan kadar yang telah ditetapkan oleh Negara berkenaan.

2. Bilangan naskhah gratis penyumbang ditetapkan oleh Mastera mengikut bentuk penerbitan dan dinyatakan dalam perjanjian.
3. Penghantaran naskhah gratis penyumbang diuruskan oleh masing-masing negara penerbit.

## **PELESENAN KARYA**

Pemberian izin penggunaan dan penyiaran karya dalam pelbagai bentuk (Terjemahan, adaptasi/elektronik) akan diuruskan oleh negara pemilik hak cipta. Ini termasuk pelbagai bentuk seperti terjemahan, adaptasi karya ke drama/filem, penerbitan elektronik (animasi, aplikasi, permainan dan sebagainya).

## **ROYALTI PELESENAN**

1. Royalti pelesenan dikenakan kepada penerbit (dari dalam dan luar negara) yang memohon hak cipta untuk menterjemahkan karya ke dalam bahasa lain, selain bahasa Melayu/Indonesia.
2. Negara pemilik hak cipta yang bertanggungjawab untuk menguruskan karya-karya yang diterjemahkan.
3. Perkiraan royalti adalah berdasarkan kadar standard antarabangsa, iaitu 7.5% hingga 10%. Penerbit membayar 20% daripada anggaran keseluruhan royalti yang dibayar semasa menandatangani perjanjian dan bayaran seterusnya tertakluk kepada perundingan.
4. Pendapatan daripada royalti disalurkan kepada dana penerbitan negara pemilik hak cipta karya (Negara Penyelaras Projek).

## **GAYA PENERBITAN**

1. Logo Mastera dan logo penerbit Negara Anggota Mastera diletakkan sama ada di depan atau di kulit belakang buku.
2. Halaman Notis Hak Cipta memasukkan notis hak cipta seperti yang terdapat pada Bil. Notis Hak Cipta dan Bil. Penyertaan Penghasilan Karya.
3. Nama Program, Siri, dan Anugerah/Hadiah diletakkan pada mana-mana bahagian kulit yang perlu.

## **PEMBIAYAAN KOS PENERBITAN**

1. Karya Kajian
  - i. Negara Penyelaras Projek membiayai kos pembinaan manuskrip.
  - ii. Negara yang menerbitkan hasil kajian sama ada bagi versi utama, edisi negara atau edisi bahasa membiayai kos adaptasi, editorial, reka bentuk, pracetak, percetakan, promosi, dan pemasaran.
2. Karya Kreatif
  - i. Negara Penyelaras Projek membiayai kos pembinaan manuskrip hingga disket/filem.
  - ii. Negara yang menerbitkan karya bagi versi utama, iaitu edisi bahasa, membiayai kos percetakan, promosi dan pemasaran.
3. Karya Terjemahan (Ilmiah/Kreatif)
  - i. Penerbit lain dari dalam atau luar negara yang berminat menerbitkan edisi terjemahan bertanggungjawab menguruskan dan membiayai kos terjemahan.

## **PENETAPAN HARGA**

1. Bagi penerbitan bersama Mastera, kos pembinaan manuskrip dikira sebagai galakan dan diambil kira dalam kos dan penetapan harga buku.
2. Kos-kos yang diambil kira ialah kos editorial, kos reka bentuk dan pengeluaran, kos percetakan, kos promosi dan pemasaran

## **PENETAPAN JUMLAH CETAK DAN HARGA JUALAN**

1. Penetapan jumlah cetak dan harga jualan ditetapkan oleh masing-masing negara.
2. Harga jualan bagi buku yang dieksport ke negara yang bukan ahli Mastera ditetapkan oleh masing-masing negara.
3. Harga jualan dicetak pada buku sekiranya diperlukan oleh undang-undang masing-masing negara.



## **PROMOSI**

1. Bahan promosi disediakan dan disebar oleh masing-masing negara.
2. Promosi boleh dibuat melalui bahan-bahan bercetak di negara-negara anggota.

## **JUALAN**

1. Peringkat Rantau  
Pemasaran dan pengedaran diuruskan oleh masing-masing negara mengikut syarat dan terma urus niaga negara berkenaan
2. Peringkat Antarabangsa  
Pemasaran dan pengedaran mana-mana Edisi Negara di negara bukan ahli Mastera perlu dibincangkan untuk memastikan hanya negara tertentu sahaja diberikan hak untuk mengedarkan bahan tersebut.
3. E-Dagang  
Sekiranya bahan diterbitkan dalam talian, pengguna akan dikenakan bayaran setiap kali mengakses bahan. Kadar bayaran akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Sidang Majlis.

## **ULANG CETAK**

1. Sekiranya buku hendak dicetak ulang atau diterbitkan dalam edisi baru, Negara Penyelaras Projek perlu memaklumpkannya kepada Jawatankuasa Sidang Majlis.
2. Bagi penerbitan edisi baru, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sidang akan menyelaraskan kerja-kerja mengemaskinikan bahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kecil Penerbitan.

## **REKOD/DOKUMEN PENGURUSAN**

1. Tawaran/Terimaan Kerja kepada Penyumbang/Penulis.
2. Akuan Terimaan atau Penolakan Tawaran Kerja oleh penyumbang.
3. Pelantikan Rasmi Penyumbang.
4. Surat pelantikan penulis termasuk klausa menyatakan karya dibuat atas komisyen dan hak cipta terletak kepada negara pemilik hak cipta.
5. Surat Izin Terbit Gambar/foto/rajah/petikan dan sebagainya.